

Setiap rakyat Sarawak akan dapat vaksin COVID-19 seperti dijanjikan KM: Dr Sim

KUCHING:Setiap rakyat negeri ini akan mendapat vaksin COVID-19 percuma seperti yang dijanjikan Ketua Menteri Datuk Patinggi Abang Johari Tun Openg.

Menteri Kerajaan Tempatan dan Perumahan Dato Sri Dr Sim Kui Hian berkata, Ketua Menteri telah menjanjikan perkara itu dan setiap rakyat negeri ini akan mendapatnya.

“Perdana Menteri (Tan Sri Muhyiddin Yassin) telah mengumumkan Malaysia akan mendapat bekalan vaksin

mengikut kelompok.

“Kelompok pertama dijangka tiba pada suku pertama tahun depan dan pada masa yang sama ada banyak vaksin lain yang akan diterima.

“Apa diperlukan, pakar perubatan untuk membimbing kita dan pakar perubatan perlu melihatnya,” ujarnya.

Beliau berkata demikian ketika ditemui pemberita di Pusat Dialisis Yayasan Buah Pinggang Kebangsaan (NFK) Malaysia di sini semalam.

Terdahulu, Dr Sim ha-

dir menyaksikan penyerahan sumbangan mesin hemodialisis bernilai RM40,000 daripada OCBC Bank (Malaysia) Berhad kepada Pusat Dialisis NFK Kota Samarahan.

Jumaat lepas, Perdana Menteri berkata vaksin COVID-19 akan diberikan secara percuma kepada rakyat Malaysia, manakala warga asing akan dikenakan caj yang akan ditetapkan Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM).

Pada masa yang sama, kerajaan menurut Perdana Menteri

tidak bercadang untuk mewajibkan pengambilan vaksin ini dan ia hanya akan diberikan kepada mereka yang bersetuju untuk mengambilnya terutama golongan berisiko.

Menurut Muhyiddin, dalam kajian terbaharu syarikat penyelidikan global berpangkalan di United Kingdom (UK), YouGov, seramai 82 peratus rakyat Malaysia bersedia untuk divaksinasi dan beliau berharap jumlah itu kelak akan mencapai 100 peratus.



SANTUNI: Dr Sim melawat pesakit di Pusat Dialisis NFK di Kuching semalam. — Gambar Muhammad Rais Sanusi